

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN
HAJI SALLEH [PASIR PUTEH]**

SOALAN NO. 324

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan dapatan analisa impak terhadap penetapan gaji minimum pada paras RM1,100.00 berdasarkan Perintah Gaji Minimum (Pindaan) 2018 serta apakah tindakan yang telah atau akan diambil terhadap majikan yang tidak mematuhi.

JAWAPAN

Tuan Yang diPertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, masih terlalu awal untuk melihat impak pelaksanaan gaji minimum RM1,100 buat masa sekarang kerana ia masih baru dilaksanakan. Kajian semula perintah gaji minimum akan dibuat sekurang-kurangnya setiap 2 tahun sekali seperti mana yang ditetapkan di bawah seksyen 25, Akta Majlis Perundangan Gaji Negara 2011 [Akta 732]. Kajian Semula Perintah Gaji Minimum (Pindaan) 2018 dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2020.

2. Berdasarkan aktiviti penguatkuasaan terhadap majikan ingkar yang telah dibuat mulai 1 Januari sehingga 23 Jun 2019 bagi tempoh pelaksanaan Perintah Gaji Minimum (Pindaan) 2018, sebanyak 45 kertas siasatan telah dibuka dan daripada jumlah tersebut 23 kes telah diberi izin dakwa. Daripada 23 kes yang diberi izin dakwa, 14

SOALAN NO: 324

kes masih dalam tindakan pendakwaan dan 9 kes telah selesai. Jumlah denda yang telah dikenakan bagi semua kes pendakwaan yang telah selesai adalah sebanyak RM13,900.00.

3. Berhubung dengan tindakan yang akan dikenakan kepada majikan yang gagal mematuhi Perintah Gaji Minimum (Pindaan) 2018, berdasarkan seksyen 43 Akta 732, majikan boleh dikenakan tindakan seperti berikut:

- (i) Penalti bagi kesalahan pertama: denda tidak melebihi RM10,000 bagi setiap pekerja;
- (ii) Penalti am: denda tidak lebih RM10,000 bagi setiap kesalahan di mana penalti khusus tidak dinyatakan;
- (iii) Penalti bagi kesalahan berterusan: denda tidak lebih RM1,000 bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan; dan
- (iv) Penalti bagi kesalahan berulang: denda tidak lebih RM20,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun.

4. Kesimpulannya, Kerajaan secara berterusan akan membuat kajian berhubung pelaksanaan gaji minimum bagi melihat kesan dan seterusnya menambah baik pelaksanaannya. Di samping itu juga, bagi memastikan pematuhan undang-undang gaji minimum, Kerajaan melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) akan membuat penguatkuasaan berterusan dan sekiranya pihak pekerja mendapati gaji minimum tidak dipatuhi oleh majikan mereka, adalah disyorkan supaya aduan dibuat di pejabat JTK yang berdekatan.